



PERBADANAN STADIUM MALAYSIA

KENYATAAN TENDER

CADANGAN PELANTIKAN AGEN TIKET PERBADANAN STADIUM MALAYSIA SECARA *REQUEST FOR PROPOSAL (RFP)*

1. Tawaran *Request For Proposal (RFP)* adalah dipelawa kepada syarikat tempatan yang berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** yang mempunyai pengalaman dalam pengurusan tiket bagi penganjuran acara.
2. Maklumat berkaitan RFP adalah seperti berikut:-

Syarat Kelayakan	Rujukan	Harga Dokumen	Tarikh Taklimat	Tarikh Dan Masa RFP Dibuka dan Ditutup
Syarikat tempatan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Memorandum and Article of Association Akta Syarikat 2016 (sekiranya ada)	PSM (S) 003/287 Jilid 35 (8)	RM 50.00	Tarikh Taklimat: 11 Mac 2020 (Rabu) Masa Taklimat: 10.00 pagi Lokasi Taklimat: Bilik Mesyuarat 1, Aras 2, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City	Tarikh RFP Diiklan: 5 Mac 2020 (Khamis) Tarikh RFP Ditutup: 31 Mac 2020 (Selasa) Jam 12.00 Tengah Hari

1. Dokumen Meja Tender RFP boleh disemak di **Unit Perolehan, Bahagian Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** pada waktu pejabat **bermula 9 Mac 2020 (Isnin)**.
2. Petender adalah **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri sesi taklimat yang akan diadakan seperti tarikh, masa dan tempat yang telah ditetapkan. Untuk maksud ini, hanya penama yang tercatat di dalam **Borang 49 atau Seksyen 58 atau Borang Teras (Seksyen 14)** sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat. Bagi tujuan pengesahan, **Borang 49 atau Seksyen 58 atau Borang Teras (Seksyen 14) (Asal dan Salinan)** serta Cop Syarikat hendaklah dibawa semasa sesi taklimat.

3. Dokumen Tender RFP boleh dibeli bermula **pada hari taklimat** bagi petender yang menghadiri sesi taklimat pada waktu pejabat di **Unit Perolehan, Bahagian Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur.**
4. Pembayaran bagi dokumen tender RFP hendaklah dibuat dalam bentuk Wang Pos / Wang Kiriman Pos / Bank Deraf dari institusi bank yang diiktiraf Malaysia atas nama **Perbadanan Stadium Malaysia**. Bayaran tidak akan dikembalikan.
5. Petender hendaklah mencatatkan Tajuk dan No. Tender RFP di sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti di **Unit Perolehan, Bahagian Kewangan, Aras 1, Stadium Nasional, Kuala Lumpur Sports City, 57700 Sri Petaling, Kuala Lumpur** tidak lewat pada jam 12.00 tengah hari pada 31 Mac 2020 (Selasa). Tawaran yang lewat dikemukakan dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
6. Perbadanan juga tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran tertinggi atau mana-mana tawaran atau memberikan apa-apa sebab di atas penolakan sesuatu tawaran tender.
7. Perbadanan berhak menimbang tiap-tiap satu butiran sebagai satu tawaran yang berasingan atau bersekali.
8. Syarikat hendaklah menanggung sendiri segala perbelanjaan yang berkaitan dengan urusan tender ini.
9. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut hendaklah menghubungi pegawai berikut:-

Spesifikasi

- a) John Paul Thesaira
[\(jp@stadium.gov.my\)](mailto:jp@stadium.gov.my) 012-2000918
- b) Alexander Lim Kim Khor
[\(alexander@stadium.gov.my\)](mailto:alexander@stadium.gov.my) 017-3105887

Dokumentasi

- a) Mohamed Shafie b. Abdul Razak
[\(shafie@stadium.gov.my\)](mailto:shafie@stadium.gov.my) 03-89920850